

Sultan  
Perak  
menziarahi  
makam  
19 OCT 1963  
keramat

**S**AUK, Juma'at:—Menurut adat purbakala Raja2 Perak, maka baginda Sultan Perak, Sultan Idris Shah kedua, akan menziarahi sa-buah makam keramat yang mempunyai hubungan dengan keturunan Raja2 Perak setelah baginda di-tabalkan menjadi Sultan pada 25 October ini.

Makam sejarah itu ia-lah makam Tok Temong yang terletak di-kampung Temong di-Chegar Galah, tujuh batu dari sini.

Menurut sejarah, Sultan2 Perak ada-lah keturunan dari Tek Temong.

B. H.

**Menziarahi**

Ada-lah teradat bagi sa-saorang Sultan Perak yang baharu di-tabal menziarahi makam tersebut yang di-anggap sa-bagi keramat.

Sa-lain dari itu, baginda Sultan akan juga menziarahi lain2 makam yang mempunyai pertalian dengan Raja2 Perak zaman dahulu.

Kebanyakan makam itu terletak di-sapanjang tebing Sungai Perak.

Ada-lah di-fahamkan bahawa pada masa ini khe-mah2 dan tempat2 orang ramai telah di-sediakan untok keberangkatan baginda melakukan upacara tersebut.

Tok Temong telah di-makamkan kira2 sa-tinggak abad yang lalu.